



PERMOHONAN

PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN

*THE NATIONAL PROFESSIONAL QUALIFICATION FOR
EDUCATIONAL LEADERS (NPQEL)*

PERMOHONAN
MENERUSI
SISTEM MPSS



Syarat Umum

- (a) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan, iaitu sekurang-kurangnya 85% berdasarkan wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) / Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) tiga (3) tahun terakhir;
- (c) Bebas daripada tindakan tatatertib;
- (d) Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh tidak melebihi lima (5) tahun;
- (e) Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (f) Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (g) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan.

Syarat Khusus

- a) Bagi calon Pengetua:
 - i. telah dinaikkan pangkat ke Gred DG12 bagi urusan penempatan pemangkuan; atau
 - ii. telah dinaikkan pangkat ke Gred DG13/DG14(KUP) bagi urusan penempatan setara/hakiki.
- (b) Bagi calon Guru Besar:
 - i. telah berada sekurang-kurangnya lima (5) tahun di Gred DG9; atau
 - ii. telah dinaikkan pangkat ke Gred DG9/DG10/DG12(KUP).
- (c) Mempunyai pengkhususan dalam bidang tertentu:
 - i. Pengetua: Bidang Umum; dan
 - ii. Guru Besar: Bidang Umum / Cina / Tamil.
- (d) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun berkhidmat sebagai Guru Kanan Mata Pelajaran (Ketua Bidang) / Penolong Kanan (termasuk Penolong Kanan yang dilantik secara pentadbiran di SKM (B) / jawatan-jawatan pentadbiran di PPD / JPN / Bahagian / Institut Aminuddin Baki / Institut Pendidikan Guru / Kolej Matrikulasi;
- (e) Mempunyai baki tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebelum bersara bagi penempatan ke jawatan PGB (tertakluk kepada tarikh kekosongan); dan
- (f) Melempi tahap kesihatan yang memuaskan (Perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2013).




KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

PERMOHONAN

PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN

THE NATIONAL PROFESSIONAL QUALIFICATION FOR
EDUCATIONAL LEADERS (NPQEL)

PERMOHONAN
MENERUSI
SISTEM MPPS



1

PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PEMOHON

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) membuat **kemas kini maklumat dalam sistem e-Operasi dan Sistem e-Pangkat**



3

PEMERIKSAAN KESIHATAN PEMOHON

PPP membuat **pemeriksaan kesihatan dengan Pegawai Perubatan Bertauliah** menggunakan borang yang disediakan dalam Sistem MPPS



5

CETAKAN SLIP PERMOHONAN

Menyimpan slip permohonan Program NPQEL untuk rujukan

2

PERMOHONAN NPQEL DALAM SISTEM MPPS

PPP menghantar permohonan menerusi **Sistem Modul Penggantian Pemimpin Sekolah (MPPS)** selepas iklan permohonan dibuka

4

PENGHANTARAN DOKUMEN DALAM SISTEM MPPS

Memastikan borang pemeriksaan kesihatan yang telah **lengkap dimuat naik dalam Sistem MPPS** sebelum tarikh tutup permohonan

6

PERAKUAN KETUA JABATAN

PPP bertanggungjawab untuk **memastikan Ketua Jabatan menghantar perakuan** permohonan dalam Sistem MPPS